



KEMENTERIAN  
PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI



SIARAN MEDIA



## **BELANJAWAN 2025 MENGIKTIRAF USAHA TRANSFORMASI INDUSTRI MITI**

---

Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) menyambut baik **Belanjawan 2025** bagi menaikkan siling ekonomi dengan, antara lainnya, memeta Malaysia sebagai destinasi pelaburan berdaya saing dan menggalakkan pelaburan berkualiti<sup>1</sup>. Sehubungan itu, MITI mengalu-alukan peruntukan berjumlah **RM2.184 bilion**, yang mencerminkan kepentingan peranan dan sumbangan MITI dan agensi-agensinya dari segi pelaburan, pembangunan industri dan perdagangan untuk terus memperkukuhkan daya saing global ekonomi Malaysia.

### **KEBERKESANAN PELAN INDUK PERINDUSTRIAN BAHARU 2030 (NIMP 2030) SEBAGAI PEMACU POTENSI GLOBAL INDUSTRI MALAYSIA**

Belanjawan 2025 jelas mengiktiraf keberkesanan **NIMP 2030** dalam usaha transformasi industri Malaysia, dan MITI mengalu-alukan langkah **Kerangka Insentif Pelaburan Baharu** yang bakal dilaksanakan pada suku ketiga 2025. Peruntukan **RM200 juta** untuk **Dana Pelaburan Bersama Strategik** (CoSIF<sup>2</sup>) dan **Dana Pembangunan Industri NIMP** (NIDF<sup>3</sup>) juga dihargai. Langkah-langkah utama lain termasuk:

- 1. Meningkatkan Kompleksiti Ekonomi (Misi Pertama):** Peruntukan pelaburan **RM1 bilion** daripada **Khazanah Nasional Berhad ("KNB")** untuk **memperkukuhkan kedudukan Malaysia dalam sektor semikonduktor** akan terus membangunkan industri ini, bagi meraih peluang industri semikonduktor global yang dijangka bernilai lebih daripada \$1 trilion menjelang 2030. Sehubungan itu, **perluasan insentif cukai bagi reka bentuk litar bersepadu (Integrated Circuit**

---

<sup>1</sup> Melalui pelaksanaan NIMP 2030 dan National Energy Transition Roadmap (NETR)

<sup>2</sup> Co-Strategic Investment Fund

<sup>3</sup> NIMP Industrial Development Fund

*Design*) juga bakal merangsang eksport dan meningkatkan kompleksiti dalam sektor Elektrik & Elektronik (E&E).

2. **Memacu Pendigitalan Industri Negara (Misi Kedua):** MITI menyambut baik **peruntukan RM10 juta untuk meningkatkan penggunaan AI melalui kerjasama dengan akademia dan industri Malaysia** bagi memperkukuhkan inovasi digital melalui sokongan **Pejabat Kecerdasan Buatan Kebangsaan (NAIO<sup>4</sup>)**.
3. **Mencapai Karbon Sifar Menjelang 2050 (Misi Ketiga):** Dalam **meneraju industri kenderaan elektrik (EV)**, kami amat menghargai peruntukan **RM10 juta** bagi penyambungan **Skim Galakan Penggunaan Motosikal Elektrik CKD<sup>5</sup>** yang menyediakan rebat sehingga **RM2,400**, yang akan terus dilaksanakan oleh Malaysia Automotive Robotics and IoT Institute (MARii). Penggunaan EV oleh rakyat Malaysia juga pasti akan diperluaskan melalui penetapan **harga kurang dari RM100,000** bagi **EV pertama Malaysia** yang sedang dihasilkan oleh **PERODUA**.

Selaras dengan Strategi Pelaburan Hijau (GIS<sup>6</sup>), MITI mengambil maklum **pengenalan Cukai Karbon pada tahun 2026** bagi **mendorong industri besi dan keluli untuk beralih kepada pengeluaran rendah karbon, termasuk teknologi Pemerangkapan, Penggunaan dan Penyimpanan Karbon (CCUS<sup>7</sup>)**. Langkah untuk **menyalurkan hasil cukai** kepada **penyelidikan dan pembangunan teknologi hijau** amat dialu-alukan.

4. **Memupuk Pembangunan Bakat Industri (Pemboleh Ubah Kedua NIMP):** Kami menyambut baik **peruntukan RM200 juta** untuk **KNB** melalui **Program Pembangunan Belia K-Youth** bagi melahirkan **11,000 bakat tempatan untuk sektor utama seperti semikonduktor**; peruntukan tambahan **RM20 juta bagi Universiti**

---

<sup>4</sup> National Artificial Intelligence Office

<sup>5</sup> Complete Knock Down

<sup>6</sup> Green Investment Strategy

<sup>7</sup> Carbon Capture, Utilisation & Storage

**Teknologi MARA (UiTM)** bagi melahirkan **lebih ramai jurutera E&E**, terutamanya **penyertaan jurutera Bumiputera dalam industri semikonduktor**; serta **potongan cukai khas** untuk **Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS)** dan **institut latihan kemahiran swasta** yang membangunkan kursus baharu dalam **teknologi digital, AI, robotik, Internet Kebendaan (IoT), Sains Data, FinTech** dan **teknologi mampan**.

Selain itu, pengumuman bahawa **MIDA** akan menjadi **pihak berkuasa melulus** bagi **pas penggajian** yang melibatkan **graduan bukan warganegara lepasan universiti tempatan** yang berkhidmat dalam sektor-sektor NIMP 2030 bakal **menampung keperluan bakat industri dalam jangka masa pendek**.

#### **PROMOSI PERDAGANGAN DAN EKSPORT**

Dari segi **eksport**, pengeksport Malaysia boleh memanfaatkan **Skim Insentif Pemampanan Pengeksport** yang dikelola oleh EXIM Bank melalui peruntukan **RM750 juta** bagi menyokong **eksport ke pasaran antarabangsa**; serta geran sebanyak **RM40 juta** melalui MATRADE bagi meneroka **pasaran baharu seperti Afrika, Amerika Latin, dan Timur Tengah**. Sejumlah **RM20 juta** juga diperuntukkan kepada MATRADE untuk **memacu perkembangan industri halal dan peluang-peluang baharu eksport** bagi **produk dan perkhidmatan halal** ke pasaran antarabangsa.

#### **PENINGKATAN PRODUKTIVITI, KECEKAPAN PERKHIDMATAN DAN DAYA SAING MALAYSIA**

Dalam usaha **meningkatkan daya saing dan kecekapan**, MITI memandang positif langkah **penggabungan Halal Development Corporation Berhad (HDC) dengan MATRADE** untuk **menyelaras dan memperkukuhkan promosi perdagangan halal**. Seterusnya, bagi pelaksanaan inisiatif-inisiatif peningkatan produktiviti, **Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)** akan **bekerjasama rapat dengan Pasukan Petugas Khas Reformasi Agensi (STAR<sup>8</sup>)** untuk memperluas

---

<sup>8</sup> Special Task Force on Agency Reform

**inisiatif reformasi birokrasi di semua agensi Kerajaan.** Ini bertujuan mengurang atau menghapuskan beban peraturan tidak wajar, termasuk memendekkan proses kelulusan dan meningkatkan kecekapan.

Dengan semua inisiatif di atas, MITI akan terus memacu perdagangan antarabangsa, pelaburan berkualiti tinggi, dan pembangunan industri yang berinovasi bagi memangkin pertumbuhan ekonomi mampan dan berdaya saing untuk Malaysia.

**TENGGU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL AZIZ  
MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN, DAN INDUSTRI**

19 OKTOBER 2024

**Tentang MITI:**

MITI adalah pemacu utama dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan bagi pelaburan berkualiti dan meningkatkan status negara ini sebagai sebuah negara perdagangan yang kompetitif di peringkat global. Objektif dan peranannya adalah berorientasikan ke arah memastikan pembangunan ekonomi yang pesat di Malaysia dan membantu mencapai matlamat yang dinyatakan di negara ini untuk menjadi sebuah negara maju.



603-8000083



[www.miti.gov.my](http://www.miti.gov.my)



[webmiti@miti.gov.my](mailto:webmiti@miti.gov.my)



**MITI**  
MALAYSIA



**PEMACU POTENSI GLOBAL**